



**POLISI PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN
STAF AKADEMIK
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN (UniSZA)**

1.0 PENGENALAN

Polisi ini bertujuan menerangkan syarat-syarat yang membolehkan seseorang staf akademik di UniSZA disahkan di dalam perkhidmatannya. Seseorang staf akademik perlu memenuhi semua syarat yang dinyatakan dalam skim perkhidmatan atau apa-apa syarat tambahan yang ditetapkan oleh pihak Pengurusan Tertinggi UniSZA dari semasa ke semasa.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Perenggan 8, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2012 telah memperuntukkan tempoh percubaan yang digunakan adalah satu (1) hingga tiga (3) tahun.
- 2.2 Syarat tempoh percubaan ini adalah terpakai kepada semua staf akademik lantikan baharu (bertaraf Tetap) termasuk Pensyarah Perubatan di UniSZA manakala bagi Pensyarah Perubatan Pelatih (DU51P) adalah mengikut syarat pengesahan dalam skim perkhidmatannya dan syarat-syarat tambahan yang ditetapkan oleh UniSZA.

3.0 SYARAT-SYARAT PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

3.1 **Syarat-syarat umum** pengesahan dalam perkhidmatan adalah:

3.1.1 Memenuhi tempoh percubaan (satu (1) hingga tiga (3) tahun perkhidmatan).

3.1.2 Lulus Program Transfromasi Minda (PTM) / Kursus Induksi yang ditetapkan. **Sekiranya staf telah menghadiri Kursus Induksi di Jabatan/ Agensi/ Instutisi terdahulu, staf bolehlah membuat permohonan pengecualian menghadiri Program Transfromasi Minda (PTM) daripada pihak Unit Latihan Jangka Pendek, Pejabat Pendaftar.**

3.1.3 Mempunyai markah purata Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) 80% dan ke atas sepanjang tempoh percubaan.

3.1.4 Mempunyai kelulusan Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu dengan Kepujian termasuk lulus Ujian Lisan di Peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau setaraf dengannya.

3.1.5 Memiliki kelayakan kepakaran atau ijazah sarjana dalam bidang berkenaan yang disyaratkan **(bagi Pensyarah Perubatan Pelatih sahaja).**

3.1.6 Telah berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun sebagai Pensyarah Perubatan Pelatih **(bagi Pensyarah Perubatan Pelatih sahaja).**

3.1.7 Diperakukan oleh Ketua Jabatan.

3.2 **Syarat-syarat tambahan** pengesahan dalam perkhidmatan bagi empat kumpulan staf akademik di UniSZA adalah seperti berikut:

3.2.1 Kumpulan Pertama: Pensyarah Universiti

3.2.1.1 Menghasilkan satu artikel dalam jurnal berindeks sebagai Penulis Utama/ *Corresponding Author* selepas tarikh lantikan Tetap di UniSZA.

3.2.1.2 Surat tawaran melanjutkan pengajian peringkat Ijazah Doktor Falsafah (PhD) (bagi Pensyarah Universiti (DS45).

3.2.2 Kumpulan Kedua: Pensyarah Perubatan

3.2.2.1 Menghasilkan satu artikel dalam jurnal berindeks selepas tarikh lantikan Tetap di UniSZA.

3.2.3 Kumpulan Ketiga: Pensyarah Perubatan Pelatih

3.2.3.1 Pembentangan kertas kerja (lisan atau poster) dalam pertemuan akademik (seminar/ bengkel/ persidangan); atau

3.2.3.2 Artikel yang diterbitkan dalam makalah akademik (jurnal/ buku/ akhbar harian) selepas tarikh lantikan Tetap di UniSZA.

3.2.4 Kumpulan Keempat: Guru Bahasa dan Pengajar

3.2.4.1 Hanya tertakluk kepada syarat-syarat umum sahaja.

3.3 Selain itu, pengesahan dalam perkhidmatan staf akademik juga tertakluk kepada perkara-perkara berikut:

- 3.3.1 Keperibadian/ disiplin;
- 3.3.2 Kehadiran bertugas;
- 3.3.3 Kenyataan cuti tahunan;
- 3.3.4 Pengetahuan dan kemahiran dalam bidang tugas;
- 3.3.5 Aktiviti/ sumbangan kepada universiti;
- 3.3.6 Markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) dan
- 3.3.7 Tindakan tatatertib.

4.0 PELANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN

4.1 Seseorang staf akademik boleh membuat permohonan melanjutkan tempoh percubaan setelah melalui tempoh percubaan maksimum yang ditetapkan sama ada dengan denda atau tanpa denda **sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum tamat tempoh percubaan maksimum.**

4.2 Permohonan hendaklah dibuat melalui Dekan/ Ketua Pusat Tanggungjawab dengan mengisi **Borang Permohonan Pelanjutan Tempoh Percubaan.**

4.3 Permohonan pelanjutan tempoh percubaan hanya akan diluluskan sekiranya alasan yang diberikan munasabah dan dipercayai bahawa staf akademik tersebut berupaya mematuhi syarat-syarat bagi pengesahan semasa tempoh pelanjutan yang dipohon itu dan Dekan/ Ketua Pusat Tanggungjawab mengesyorkan bahawa tempoh percubaan staf akademik tersebut patut dilanjutkan dengan mengisi **Borang Perakuan Pelanjutan Tempoh Percubaan.**

- 4.4 Tempoh percubaan seseorang staf akademik hanya boleh dilanjutkan tidak melebihi dua belas (12) bulan. Walau bagaimanapun, pihak Pengurusan Tertinggi UniSZA boleh dalam hal keadaan khas melanjutkan tempoh percubaan seseorang staf akademik melebihi dua belas (12) bulan jika difikirkan patut tetapi tidak melebihi tempoh keseluruhan maksimum lima (5) tahun.
- 4.5 Perkhidmatan seseorang staf akademik akan ditamatkan sekiranya gagal memenuhi tempoh percubaan yang telah ditetapkan.

5.0 TARIKH PENGESAHAN

- 5.1 Tarikh pengesahan dalam perkhidmatan adalah pada hari pertama selepas tarikh seseorang staf akademik mematuhi semua syarat pengesahan yang ditetapkan.
- 5.2 Seseorang staf akademik hendaklah disifatkan berada dalam tempoh percubaan sehinggalah ia disahkan dalam perkhidmatan walaupun telah mematuhi semua syarat pengesahan yang ditetapkan.

6.0 TATACARA PERMOHONAN

- 6.1 Setelah memenuhi semuanya syarat yang telah ditetapkan, seseorang staf akademik bolehlah membuat permohonan pengesahan dalam perkhidmatan dengan mengisi **Borang Permohonan Pengesahan Dalam Perkhidmatan (Staf Akademik)** yang boleh didapati di Bahagian Muat Turun, Laman Sesawang Pejabat Pendaftar.
- 6.2 Hanya borang permohonan yang lengkap dan disertakan dengan bukti-bukti yang telah disahkan oleh Dekan/ Ketua Pusat Tanggungjawab sahaja akan diproses.

6.3 Dekan/ Ketua Pusat Tanggungjawab perlu mengisi **Borang Perakuan Pengesahan Dalam Perkhidmatan** bagi memperakukan permohonan tersebut di atas.

7.0 TARIKH KUATKUASA

Polisi ini berkuatkuasa pada **1 Mac 2017** dan terpakai kepada semua staf akademik yang belum disahkan dalam perkhidmatan.

8.0 PENUTUP

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar berharap agar polisi ini dapat dijadikan panduan dalam urusan pengesahan dalam perkhidmatan staf akademik di UniSZA.